

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020
DIBAWAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN				
1	Inisiatif Smart Office (EDMS - <i>Electric Document Management System</i>) menggunakan e-Minit, e-Memo, e-Filing dan Filing Digital	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan penggunaan ICT dalam pengurusan pejabat • Memudahkan dan mempercepatkan komunikasi antara kakitangan • Menggunakan e-Memo dan e-Minit untuk perhubungan antara jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian • Mengurangkan penggunaan kertas, toner dan fail fizikal • Memusatkan penyimpanan fail dan dokumen secara fizikal • Arkib digital fail-fail lama 	Inisiatif <i>Smart Office</i> adalah salah satu inisiatif untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan pejabat dengan menyediakan platform untuk perkongsian dokumen, komunikasi dan kolaborasi antara kakitangan dan mengurangkan kos penggunaan kertas dan toner printer.
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN				
2	Penggunaan Kod QR bagi Stok Biji Benih Padi	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan ketepatan pengemaskinian jumlah stok biji benih padi dalam stor penyimpanan biji benih • Membantu mengenalpasti / mengesan stok biji benih padi yang mendapat aduan daripada pelanggan bagi siasatan lanjut 	Biji benih padi adalah merupakan bahan simpan yang banyak digerakkan di mana benih akan dikeluarkan daripada stor sebelum musim penanaman dan stok baru akan dimasukkan selepas musim penanaman dilaksanakan. Tempoh masa setelah stok baru dimasukkan dan sebelum stok dikeluarkan adalah masa dimana ujian percambahan akan dilaksanakan bagi memastikan kualiti benih masih terpelihara. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan keberkesanan penyimpanan stok benih, setiap guni benih padi yang diterima dan dimasukkan ke dalam stor biji benih akan diletakkan kod QR. Kod QR ini akan diimbas pada setiap penerimaan serta pengeluaran benih padi. Melalui projek ini, ianya membantu jabatan dalam meningkatkan kawalan stok keluar masuk benih, membantu dalam pemeriksaan jumlah dan umur benih yang disimpan serta membantu mengesan stok benih yang mendapat aduan daripada pelanggan dengan lebih pantas dan cepat.
3	Projek Pemantauan Padi Sembada 188 Menggunakan Teknologi NDVI dan Data Analytics	Struktur Organisasi	Projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pemantauan tanaman padi oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membantu peladang-peladang mengesan awal sebarang masalah berkaitan serangan penyakit atau musuh tanaman, masalah kesuburan tanah atau masalah air bagi memastikan sebarang masalah yang timbul oleh ditangani dengan segera sebelum ianya memberikan impak yang besar terhadap hasil tanaman. Melalui projek ini juga diharapkan akan dapat menangani masalah kekurangan kakitangan bagi pemantauan ladang-ladang padi utama di negara ini	Projek ini melibatkan pemantauan ladang-ladang padi menggunakan drone yang khusus dilengkapi dengan sensor <i>Normalize Difference Vegetation Indeks</i> (NDVI) bagi mengimbas ladang-ladang padi dan seterusnya data-data yang dijana tersebut akan dianalisa menggunakan program tertentu untuk menghasilkan laporan data kesihatan tanaman. Walaupun teknologi pemantauan status kesihatan tanaman ini sudah wujud, teknologi tersebut masih perlu diperhalusi dan diselaraskan mengikut varieti tanaman serta keadaan persekitaran bagi memperbaiki serta meningkatkan ketepatan (<i>accuracy</i>) maklumat yang dijana. Ini boleh dilakukan dengan pepadanan dan penyesuaian maklumat yang diperolehi dengan NDVI dan <i>data analytics</i> tersebut dengan data yang diperolehi secara konvensional. Projek ini dilaksanakan bagi mempertingkatkan keberkesanan program pemantauan tanaman yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi membantu peladang membuat

				langkah-langkah awal bagi menangani masalah di ladang padi mereka, Projek ini juga adalah sebagai cadangan solusi bagi meningkatkan efisiensi program pemantauan walaupun dengan jumlah pegawai dan kakitangan yang terhad.
4	Pengiktirafan ISO 17025 bagi Unit Perlindungan Tanaman (<i>Technical Service on Laboratory Accreditation ISO / IEC 17025 : 2017 - General Requirements for The Competence of Testing and Calibration Laboratories for Crop Protection Laboratories for The Compliance of Export Market Requirements</i>)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan dan kompetensi pegawai dan kakitangan secara profesional dan teknikal, yang mana akan boleh meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan • Memastikan kualiti ujian makmal adalah terkawal dan terpelihara dengan menghasilkan ujian - ujian makmal yang betul, tepat dan <i>reliable</i> melalui pemantauan piawaian antarabangsa • Membantu untuk mencapai matlamat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan produktiviti pertanian dan jumlah keluaran nilai eksport 	Projek ini bertujuan untuk mendapatkan akreditasi makmal ISO / IEC 17025:2017 bagi mempersiapkan makmal Patologi Tanaman dan Makmal Entomologi Tanaman untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan bagi memenuhi piawaian antarabangsa dan mencapai pengiktirafan ISO 17025:2017 <i>General Requirements for The Competence of Testing and Calibration Laboratories</i> . Dengan adanya akreditasi tersebut nanti, makmal-makmal tersebut akan dapat diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai makmal rujukan (<i>reference laboratory</i>) yang mana adalah sangat penting bagi mendukung pertumbuhan industri tanaman terutama sekali didalam mengakses pasaran eksport dan juga domestik.
5	Pengiktirafan ISO 17025 bagi Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman (<i>Technical Service on Laboratory Accreditation ISO / IEC 17025 : 2017 - General Requirements for The Competence of Testing and Calibration Laboratories for Crop Protection Laboratories for The Compliance of Export Market Requirements</i>)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan dan kompetensi pegawai dan kakitangan secara profesional dan teknikal, yang mana akan boleh meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan • Memastikan kualiti ujian makmal adalah terkawal dan terpelihara dengan menghasilkan ujian - ujian makmal yang betul, tepat dan <i>reliable</i> melalui pemantauan piawaian antarabangsa • Membantu untuk mencapai matlamat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan produktiviti pertanian dan jumlah keluaran nilai eksport 	Projek ini bertujuan untuk mendapatkan akreditasi makmal ISO / IEC 17025:2017 bagi mempersiapkan makmal Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan bagi memenuhi piawaian antarabangsa dan mencapai pengiktirafan ISO 17025:2017 <i>General Requirements for The Competence of Testing and Calibration Laboratories</i> . Dengan adanya akreditasi tersebut nanti, makmal-makmal tersebut akan dapat diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai makmal rujukan (<i>reference laboratory</i>) yang mana adalah sangat penting bagi mendukung pertumbuhan industri tanaman terutama sekali didalam mengakses pasaran eksport dan juga domestik.
JABATAN PERIKANAN				
6	Ternakan Alternatif Spesis Udang Putih, <i>Panaeus Vannamei</i>	Struktur Organisasi	Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi alternatif spesis ternakan udang iaitu udang putih (<i>Panaeus Vannamei</i>) bagi kesinambungan dan peningkatan pengeluaran penghasilan udang dari industri akuakultur dan untuk menangani kekurangan bekalan benih udang harimau dan udang rostris	Udang Putih (<i>Panaeus Vannamei</i>) adalah spesis udang baru yang dibenarkan untuk ditenak di Negara Brunei Darussalam selain daripada Udang Harimau (<i>Tiger Prawn</i>) dan Udang Rostris (<i>Blue Shrimp</i>).
7	Memajukan Sektor Ternakan Ikan Air Tawar (ikan tilapia dan udang galah)	Struktur Organisasi	Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan pengusaha menternak ikan air tawar bagi meningkatkan pengeluaran Industri Perikanan untuk mengurangkan pengimportan spesis ikan air tawar iaitu ikan tilapia dan udang galah kerana ia mempunyai permintaan dari pasaran tempatan	Jabatan sangat menggalakkan pengusaha untuk menternak ikan air tawar bagi meningkatkan Industri Perikanan dan bagi mengurangkan pengimportan spesis ikan air tawar iaitu tilapia kerana ia mempunyai permintaan dari pasaran tempatan. Jabatan Perikanan telah mengadakan 6 siri latihan dan tunjuk ajar kepada pengusaha-pengusaha yang berpotensi serta persatuan kampung bagi menarik minat lebih ramai pengusaha untuk berkecimpung dalam sektor ternakan ikan air tawar. Sehingga kini sebanyak 12 pengusaha sedang melaksanakan ternakan ikan air tawar.

JABATAN PERHUTANAN

8	Pelaksanaan Forest (Amendment) Rules, 2019	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk merebiu kelas dan kadar cukai (<i>royalty</i>) hasil hutan yang tidak pernah direbiu semenjak ianya dikuatkuasakan pada 1hb. Januari 1956 yang mana ianya difikirkan tidak lagi relevan dengan perkembangan industri perhutanan pada masa ini dan perlu untuk dikaji semula dan dipinda. • Untuk meningkatkan jumlah kutipan hasil Kerajaan. 	<p>merupakan Peraturan tambahan kepada Peraturan-Peraturan Hutan, Akta Hutan (Penggagal 46), Undang-Undang Brunei (<i>Revised Edition</i> 2013).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Forest (Amendment) Rules, 2019 mengandungi: <ol style="list-style-type: none"> i. Pindaan Klasifikasi Jenis Kayu Balak; ii. Pindaan Kadar Cukai (<i>Royalty</i>) Kayu Balak dan Kayu Bakau; iii. Pindaan Unit Ukuran; dan iv. Pindaan Kadar Sewa Tapak di Bawah Kawalan Jabatan Perhutanan • Di antara rasional bagi cadangan pindaan kadar-kadar cukai (<i>royalty</i>) kayu balak dan kayu bakau, dan kadar sewa tapak di bawah kawalan Jabatan Perhutanan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> o Perubahan kadar-kadar cukai (<i>royalty</i>) kayu balak dan kayu bakau, dan kadar sewa tapak di bawah kawalan Jabatan Perhutanan adalah merupakan inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan. o Kadar-kadar cukai (<i>royalty</i>) kayu balak dan kayu bakau perlu dikemaskini memandangkan kadar-kadar yang digunapakai pada masa ini tidak pernah direbiu semenjak ianya dikuatkuasakan pada 1hb. Januari 1956.
---	--	-------	---	--